



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

**TEKS UCAPAN  
YANG BERBAHAGIA  
ENCIK PONNUDURAI A/L V ANTHONY SRINVASAGAM**

AHLI MAJLIS  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

**SEMPENA  
PROGRAM MAJLIS PERASMIAN PUSAT KITAR SEMULA  
DEWAN FLAT TAMAN INDERAWASIH**

**TARIKH / MASA / TEMPAT  
7 DISEMBER 2024 (SABTU)  
1.10 PETANG**

DEWAN FLAT TAMAN INDERAWASIH

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

**Yang Berhormat DATO' SERI SUNDARAJOO SOMU, EXCO Perumahan  
dan Alam Sekitar**

**Encik Parameswaran A/L Nadeson**

MPKK Kampung Manis

**Ahli-ahli Majlis,**

**ketua-ketua jabatan,**

**Para media,**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

Selamat Petang dan Salam Sejahtera,

1. Terima kasih saya ucapkan kepada semua hadirin yang dapat hadir ke majlis pada pagi ini dalam **Majlis Perasmian Pusat Kitar Semula Dewan Flat Taman Inderawasih.**
2. Majlis Bandaraya Seberang Perai amat komited dalam merangka strategi ke arah mewujudkan sebuah bandar raya rendah karbon yang berdaya huni dengan menjadi Bandar Raya Neutral Karbon pada tahun 2030; dan Bandar Raya Sifar Karbon pada tahun 2050. Antara fokus MBSP adalah penanaman pokok di Seberang Perai bagi menyerap karbon, menghasilkan oksigen dan mengawal penghasilan gas rumah hijau; aktiviti kitar semula; pengurusan sisa pepejal yang lestari (*sustainable waste management*); penggunaan tenaga yang boleh diperbaharui (RE); penggunaan lampu jalan LED dan banyak lagi.
3. Ini juga bertepatan dengan hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menjadi negeri hijau yang pertama di Malaysia dengan tumpuan kepada aspek pembangunan dan pencapaian kualiti hidup yang tinggi yang termaktub dalam Penang2030 “*A Family-Focused Green and Smart States That Inspires The Nation*”.

4. Majlis Perasmian Pusat Kitar Semula Dewan Flat Taman Inderawasih ini adalah merupakan satu kempen untuk mewar-warkan penubuhan pusat kitar semula dan juga penyediaan sangkar kitar semula di Flat Taman Inderawasih untuk penduduk sekitar Flat Taman Inderawasih khususnya dan penduduk Seberang Perai amnya.
5. MBSP melalui Pasukan Kerja LA21 menganjur pelbagai aktiviti pendidikan dan penglibatan komuniti bagi memupuk kesedaran dan amalan kitar semula sejajar dengan Dasar Pengasingan Sisa Dipunca Negeri Pulau Pinang 2016.
6. Kaedah pengasingan sisa dipunca bagi penduduk di kawasan perumahan, sisa kitar semula yang dikumpulkan perlu dimasukkan dalam plastik dan diletakkan disebelah tong sampah. Kutipan bahan kitar semula bagi Kawasan perumahan taman bukan berstrata akan dibuat setiap hari Sabtu.
7. Kesalahan tidak mengasingan sampah boleh dikenakan kompaun maksimum RM500 kepada pemilik premis yang enggan menggammalkan pengasingan sisa kitar semula.
8. Pada hari ini juga telah diadakan pertandingan mewarna yang melibatkan 30 orang kanak-kanak. Tema pertandingan mewarna ini ialah berkaitan kitar semula.

9. Diharap melalui Program Majlis Perasmian Pusat Kitar Semula Dewan Flat Taman Inderawasih ini, mampu memberi impak dalam menjayakan Dasar Pengasingan Sisa di Punca Negeri Pulau Pinang yang mana aktiviti penguatkuasaan telah diperketatkan mulai 1 Julai 2024 dan semua pihak juga diharap dapat menekankan pendekatan secara holistik bagi pengurusan alam sekitar dalam mewujudkan sebuah bandaraya rendah karbon yang berdayahuni, dalam menzahirkan “Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau Dan Kompetitif”.
10. Syabas dan Tahniah saya ucapkan kepada pihak pengajur dan urusetia atas usaha yang dilaksanakan ini dan berharap warga Seberang Perai akan terus menyokong hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan komitmen MBSP dengan melaksanakan dan menjalankan aktiviti-aktiviti ke arah kelestarian alam sekitar.
11. Marilah kita bersama-sama membantu MBSP untuk menjadikan Seberang Perai bersih, indah dan selesa didiami dan menjadi satu masyarakat yang sangat prihatin terhadap kepentingan memelihara dan memulihara alam sekitar dan terlibat secara aktif dalam menjayakan aktiviti kitar semula.

**Sekian, terima kasih.**

